



**MAJLIS DAERAH SRI AMAN**

**KENYATAAN TENDER**

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** yang masih sah dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi perolehan kerja-kerja seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>No Tender</b>	<b>Tajuk Tender</b>	<b>Syarat Pendaftaran UPKJ / CIDB</b>	<b>Harga dan Tempat Jualan Dokumen Tender</b>
1.	SADC/PW/T/LIBRARY/52/2017	<b>MENAIKTARAF PERPUSTAKAAN DESA, LINGGA</b>	Kelas F Kepala II Subkepala 2 (Berdaftar dengan CIDB)	RM 50.00 / Set (Yuran Dokumen tidak dikembalikan)
2.	SADC/PW/T/LANDSCAPE/53/2017	<b>MENAIKTARAF TANAH LAPANG KAWASAN PASAR BARU MENJADI TAMAN MINI, SRI AMAN</b>	Kelas EX or E Kepala VI Subkepala 5 (Berdaftar dengan CIDB)	- sda -
3.	SADC/PW/T/NIGHTMARKET/54/2017	<b>CONSTRUCTION &amp; COMPLETION OF BENAK NIGHT STREET MARKET, SRI AMAN</b>	Kelas EX or E Kepala II Subkepala 1 (Berdaftar dengan CIDB)	RM 100.00 / Set (Yuran Dokumen tidak dikembalikan)  RM 100.00 (Deposit Tender dikembalikan)  Bahagian Perbendaharaan Majlis Daerah Sri Aman

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat **setelah pembayaran dilakukan untuk Yuran Dokumen (tidak dikembalikan) dalam bentuk Wang Tunai** dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat yang ditetapkan.
3. Kontraktor atau wakil kontraktor dikehendaki membawa Lesen Asal dan sesalinan lesen UPKJ dan CIDB untuk semakan sebelum dokumen tender boleh dikeluarkan.
4. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - a. Sijil Pendaftaran Perniagaan;
  - b. Sijil Pendaftaran Kontraktor Negeri (UPKJ)
  - c. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)
  - d. Perakuan Pendaftaran CIDB
  - e. Surat Pendaftaran GST

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa tender boleh menolak tawaran tender.

5. Dokumen tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda SULIT dan ditulis dengan jelas **tarikh tutup, nombor dan tajuk tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:-

**SETIAUSAHA,  
MAJLIS DAERAH SRI AMAN  
PETI SURAT 78,  
95007 SRI AMAN**

6. Tarikh tutup bagi tender di atas adalah pada **24.10.2017 Jam 12:00 tengahari** dan sebarang dokumen tender yang **diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.**
7. Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90 hari** dari selepas tarikh tutup.
8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran **tender yang terendah atau mana-mana tawaran.**